

UMS lepaskan benih ketam bakau, tingkat usaha pemuliharaan ekosistem pantai

UB 30.11.2023 P.08

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menjalankan inisiatif pemuliharaan ekosistem marin melalui program pelepasan ketam bakau (*Scylla Tranquebarica*) bertujuan memulihkan dan mengekalkan populasi ketam bakau di perairan Sabah.

Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Dr. Mohamad Tamrin Lal, berkata program itu menunjukkan komitmen tinggi UMS memelihara biodiversiti ekosistem pantai di Malaysia serta menyokong pengurusan sumber marin

yang lebih mampan.

Katanya, program pelepasan ketam bakau yang dimulakan oleh UMS pada 2015 adalah susulan kejayaan pihak Hatceri Krustasia IPMB menjalankan pembenihan ketam bakau.

Beliau berkata sejak tahun 2018 hingga 2022, sebanyak 45,000 benih ketam bakau telah berjaya dilepaskan di Tuaran, Kuala Penyu dan Kota Marudu.

Manakala pada tahun ini, hampir 3,000 benih telah dilepaskan di Kota Kinabalu Wetland (Ramsar Site) pada

bulan Ogos lalu.

“Aktiviti ini melibatkan pendekatan komprehensif yang menyepadukan penyelidikan saintifik, penglibatan komuniti dan pemantauan jangka panjang.

“Penyelidik di Hatceri Krustasia IPMB sedang berusaha menjalankan penyelidikan yang lebih meluas bagi mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk pengenalan semula ketam bakau ke habitat asal, dengan mengambil kira faktor seperti kualiti air, komposisi sedimen dan ketersediaan

sumber makanan semua jadi.

“Dengan memanfaatkan kepakaran sedia ada, para penyelidik UMS dapat memastikan benih ketam bakau yang dilepaskan mempunyai peluang terbaik untuk hidup dan berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu,” jelasnya.

TERBAIK: Dr. Annita Yong dan Dr. Audrey melepaskan benih ketam bakau di Kota Kinabalu Wetland.

